

2016

13

CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH



PENGENALAN

Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dikenakan atas keuntungan daripada pelupusan / penjualan hartanah atau saham dalam Syarikat Harta Tanah (SHT)

PENGHANTARAN BORANG CKHT

PERKARA	SEBELUM 1 APRIL 2007	MULAI 1 JANUARI 2010
Pelupus / Penjual • Harta Tanah • Saham SHT	CKHT 1 CKHT 1	CKHT 1 A CKHT 1 B
Pemeroleh / Pembeli • Harta Tanah • Saham SHT	CKHT 2 CKHT 2	CKHT 2 A CKHT 2 A

Hantar Borang CKHT ke cawangan LHDNM di mana fail cukai pendapatan pelupus dikendalikan dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan

SERTAKAN DOKUMEN BERIKUT

- Salinan Perjanjian Jual dan Beli bersestem / Memorandum Pindahmilik (KTN 14) bersestem bagi pemerolehan dan pelupusan harta tanah
- Salinan Perjanjian Jual dan Beli bersestem / Borang Pemindahan Saham (Borang 32A) bersestem bagi pemerolehan dan pelupusan saham SHT. Penyata Peruntukan Saham (Borang 24) boleh dikemukakan bagi pemerolehan saham SHT
- Salinan Surat Hakmilik (jika ada)
- Resit bayaran dan invoice bagi perbelanjaan / kos sampingan

REMITAN

Pembeli / pemeroleh dikehendaki meremiti 3% daripada harga balasan atau kesemua wang balasan (yang mana lebih rendah) kepada LHDNM dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pemerolehan

Bagi pelupusan yang tidak dikenakan CKHT, pelupus boleh mengisi borang CKHT 3 supaya remitan 3% tidak perlu dibuat

PELUPUSAN YANG TIDAK DIKENAKAN CKHT

Antaranya:

- Pelupusan yang dibuat selepas 5 tahun dari tarikh pemerolehan harta tersebut oleh orang selain daripada syarikat dan selain individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap
- Pemberian atas dasar kasih sayang antara:
 - Suami dan isteri
 - Ibu / bapa dan anak
 - Datuk / nenek dan cucu
- Keuntungan daripada pelupusan sebuah rumah kediaman sahaja untuk warganegara atau pemastautin tetap Malaysia. Pemilihan untuk pengecualian cukai hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Perakuan Pemilihan Pengecualian Cukai untuk pelupusan kediaman persendirian di bawah Perenggan 9 Jadual 3 (Seksyen 8) Akta CKHT 1976

KADAR CKHT MULAI 1 JANUARI 2014

PELUPUS / TEMPOH PELUPUSAN	SELAIN SYARIKAT DAN SELAIN INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA DAN BUKAN PEMASTAUTIN TETAP	INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA DAN BUKAN PEMASTAUTIN TETAP	SYARIKAT
Dalam tempoh 3 tahun selepas tarikh pemerolehan	30%	30%	30%
Dalam tahun ke- 4 selepas tarikh pemerolehan	20%	30%	20%
Dalam tahun ke- 5 selepas tarikh pemerolehan	15%	30%	15%
Dalam tahun ke-6 selepas tarikh pemerolehan dan seterusnya	0%	5%	5%

SILA LAYARI
www.hasil.gov.my
untuk keterangan lanjut



www.hasil.gov.my

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LHDNM/R13/16



/LHDNM



/LHDNM



/LHDNM



1-800-88-5436 (LHDN)

Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan

HASIL Teman Keceriaan Anda